

10/11/1998

Siasatan kes Anwar terus ke Peguam Negara

LAPORAN siasatan berhubung dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai kekasaran polis terhadapnya akan dikemukakan terus oleh jawatankuasa siasatan kepada Peguam Negara bagi tindakan lanjut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali, berkata jawatankuasa siasatan yang dipengerusikan Ketua Cawangan Siasatan Jenayah Melaka, Mat Zain Ibrahim, adalah badan bebas dan tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak, termasuk beliau.

"Sebarang laporan tidak dikemukakan kepada saya. Jawatankuasa akan menyerahkan laporan terus kepada Peguam Negara dan kemudian terpulanglah kepada Peguam Negara untuk mengemukakannya dengan cara yang difikirkan paling baik.

"Beri mereka masa untuk kemukakan hasil siasatan ini dengan cara yang paling baik kerana perkara ini sudah diketahui dunia dan untuk itu adalah wajar ia juga disampaikan sebaik-baiknya," katanya ketika menggulung perbahasan Belanjawan 1999 bagi kementerian itu, di Dewan Rakyat, semalam.

Mohd Tajol berkata, siasatan mengenai kekasaran polis dijalankan di bawah Kanun Prosedur Jenayah, jika ada dakwaan dibuat mengenainya.

Kepada pertanyaan Noh Omar (BN-Tanjung Karang) mengenai kelewatan polis menahan bekas Timbalan Perdana Menteri itu mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), beliau berkata kesalahan Anwar sehingga dipecat hanya membabitkan kes jenayah dan bukan soal keselamatan negara, yang membolehkan beliau ditahan mengikut akta itu.

Menurutnya, ISA tidak digunakan kepada penjenayah tetapi mereka yang menggugat keselamatan negara.

Namun, katanya, tindakan itu diambil (tahanan mengikut ISA) apabila Anwar terbabit dalam perhimpunan dan demonstrasi haram yang menggugat keselamatan negara.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memang mahu menjadikan model keadilan di negara ini sebagai satu model yang baik. Oleh itu, apabila Anwar digugur, kesalahannya adalah kesalahan jenayah yang menyebabkan beliau perlu dihadapkan ke mahkamah," katanya.

Selain itu, beliau berkata kerajaan akan terus melaksanakan tindakan menahan di bawah ISA bagi menjamin ketenteraman dan keselamatan awam serta negara.

(END)